

07/11/2000

Seri Paduka gesa umat Islam bersyukur

KUALA LUMPUR, Isnin - Umat Islam diminta bersyukur di atas segala nikmat yang diperolehi dan seterusnya menjadikan umat Islam menghargai jasa serta pengorbanan orang lain.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bertitah, sifat bersyukur boleh memberi semangat untuk melipatgandakan usaha dan kebaikan sedia ada.

"Kita wajarlah menjadi orang yang bersyukur dan tahu mengenang budi. Dalam ajaran Islam, Allah memberi jaminan bahawa sesiapa yang bersyukur akan ditambahkan kebaikan yang dinikmati," titahnya dalam ucapan perasmian majlis Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa kali ke-42, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, malam tadi.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Kira-kira 96 qari dan qariah dari 59 negara termasuk Malaysia, Iran, Sudan, China, Palastin, India, Kuwait, Qatar, Myanmar, Mesir dan Vietnam menyertai tilawah yang berlangsung selama seminggu mulai malam tadi.

Dalam tilawah yang bertemakan Bersyukur Tanda Kekuatan Iman, Malaysia diwakili qari, Radzi Kamarul Hailan dan qariah Amnah Ayub.

Baginda juga berpesan supaya umat Islam berpegang kepada al-Quran dan Sunnah bagi melalui kehidupan yang penuh kemajuan dan kejayaan.

"Sejarah umat Islam terdahulu, khususnya pada kurun ke-8 Masihi dan beberapa tempoh selepasnya membuktikan zaman gemilang dicapai melalui usaha mereka yang kuat.

"Mereka mengkaji isi al-Quran dan melakukan penerokaan bidang baru secara bersungguh-sungguh. Dengan demikian tahap ilmu pengetahuan mencapai satu peringkat yang tinggi.

"Hasilnya umat Islam didapati berjaya menguasai pelbagai bidang termasuk sains, kedokteran, kejuruteraan, astronomi, pelayaran dan sebagainya," titah baginda.

Umat terdahulu titah baginda, kerana mereka berpegang teguh dan beramal dengan ajaran al-Quran dengan sebenar-benarnya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman dalam ucapannya berkata, persaudaraan di kalangan umat Islam sebenarnya diancam perpecahan.

Katanya, perpecahan itu kebanyakannya berpunca dari salah faham dan perselisihan dalam mentafsir ayat al-Quran dan ajaran agama.

"Perselisihan dan perbezaan fahaman menjadikan agenda umat Islam untuk membina kekuatan dan membangunkan negara, sukar dilaksanakan kerana mereka sibuk menangani isu kecil sehingga terleka dan lupa kepada agenda umat Islam dan negara," katanya.

Sehubungan itu, katanya, umat Islam perlu mencari titik persamaan untuk bersatu bukannya asyik mencari titik perbezaan di antara mereka yang mampu merenggangkan hubungan dan persaudaraan.

(END)